

## STRUKTUR DAULAH KHILAFAH

[SNI61] Khilafah adalah kepemimpinan umum bagi seluruh kaum Muslimin di dunia untuk menegakkan hukum-hukum syariat Islam dan mengembangk dakwah Islam ke segenap penjuru dunia. Kata lain bagi Khilafah adalah *Imamah*. Khilafah dan *Imamah* mempunyai pengertian yang sama. Khilafah merupakan kesinambungan Negara Islam yang diwarisi dari Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wa Sallam* yang merupakan satu-satunya negara yang wajib bagi seluruh umat Islam. Ia adalah negara yang berdiri atas dasar wahyu dan akidah serta wajib adanya. Justeru, struktur negara Khilafah berbeza dengan struktur semua sistem yang dikenal di dunia saat ini yang kesemuanya di bangun atas dasar akal, meskipun ada kemiripan dalam sebahagian penampakannya. Struktur Negara Khilafah diambil (ditetapkan) dari struktur negara yang ditegakkan oleh Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wa Sallam* di Madinah setelah baginda berhijrah ke Madinah dan mendirikan Daulah Islam di sana. Struktur Negara Khilafah juga adalah struktur yang telah dijalankan oleh Khulafa' Rasyidin setelah wafatnya Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wa Sallam*. Sesungguhnya dengan penelitian terhadap nas-nas yang berkaitan dengan struktur negara, Hizbut Tahrir telah *mentabanni* (menerima pakai) bahawa Negara Khilafah dalam bidang pemerintahan dan administrasinya ada 13 struktur asas seperti berikut:-

**(1) Khalifah** – Khalifah adalah individu yang mewakili umat dalam urusan pemerintahan dan kekuasaan serta dalam menerapkan hukum syara'. Oleh sebab Islam telah menjadikan pemerintahan dan kekuasaan tersebut milik umat, dalam hal ini, umat mewakilkan kepada seseorang untuk melaksanakan urusan tersebut sebagai wakilnya. Bahkan Allah juga telah mewajibkan kepada umat untuk menerapkan hukum syara' secara keseluruhannya. Dengan demikian, Khalifah adalah orang yang diangkat oleh umat Islam untuk menerapkan hukum Allah secara *kaffah*. Oleh kerana itu juga, tidak ada seorang Khalifah pun yang akan terlantik kecuali setelah *dibai'at* oleh umat. *Bai'at* yang dilakukan oleh umatlah yang akan menjadikan seseorang itu sebagai wakil umat sekali gus sebagai seorang Khalifah. Pengangkatan seorang Khalifah oleh umat dengan *bai'at* bererti umat telah memberikan kekuasaan (untuk memerintah) kepada Khalifah dan **umat wajib mentaatinya selama mana dia (Khalifah) menerapkan hukum syara'**.

Orang yang memimpin urusan kaum Muslimin tidak boleh disebut Khalifah kecuali setelah ia *dibai'at* oleh *ahlu halli wal aqdi* yang ada di kalangan umat dengan *bai'at in'iqad* (*bai'at* pengangkatan) yang sah dari segi syara', iaitu ia mesti dilakukan dengan redha dan kebebasan memilih (tidak dipaksa) serta calon Khalifah tersebut memenuhi syarat-syarat *in'iqad*. Syarat *in'iqad* Khalifah ada tujuh iaitu dia mestilah seorang Muslim, lelaki, baligh, berakal, adil, merdeka dan mampu. Selain tujuh syarat ini, terdapat juga syarat *afdhaliyyah* (keutamaan) yang didukung oleh nas-nas sahih ataupun rentetan dari nas-nas sahih. Sebagai contoh, Khalifah itu harus dari kalangan Quraisy, seorang mujtahid, pemberani, seorang politikus yang ulung, pakar perang dan sebagainya.

**(2) Mu'awin at-Tafwidh (Wuzara' at-Tafwidh)** - *Mu'awin at-Tafwidh* adalah pembantu yang diangkat oleh Khalifah untuk membantunya dalam mengembang tanggungjawab dan melaksanakan tugas-tugas kekhilafahan. Melalui *Mu'awin*, Khalifah mendelegasikan kepadanya pengaturan pelbagai urusan menurut pendapatnya dan melaksanakannya berdasarkan ijtihadnya sesuai dengan ketentuan hukum syara'. Dengan kata lain, Khalifah telah memberinya bidang kuasa secara umum dan juga kedudukan untuk mewakili Khalifah. Al-Hakim dan Tirmizi telah menuturkan riwayat dari Abu Said al-Khudri yang

mengatakan bahawa Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wa Sallam* pernah bersabda, “*Dua orang pembantu (wazir)ku dari langit adalah Jibril dan Mikail dan dari bumi adalah Abu Bakar dan Umar*”. Kata ‘*wazir*’ dalam hadis ini adalah bermakna pembantu dan penolong. Ia bersifat mutlak mencakup semua bentuk bantuan dan pertolongan, dalam semua urusan. Dari hadis ini juga dapat difahami bahawa (bilangannya) *Mu'awin* boleh lebih dari satu orang.

Abu Bakar, setelah diangkat sebagai Khalifah, juga telah mengangkat Umar al-Khattab sebagai *Mu'awin* di mana peranan Umar sebagai *Mu'awin* sangat menonjol. Setelah Umar menjabat jawatan Khalifah, Utsman bin Affan dan Ali bin Abi Thalib menjadi dua orang *Mu'awin*nya. Pada masa Utsman (menjadi Khalifah), Ali dan Marwan bin al-Hakam menjadi dua *Mu'awin* Utsman. Berkenaan *Mu'awin* ini, Rasulullah telah mengingatkan kita bahawa jika *Mu'awin* itu seorang *wazir* (pembantu) yang baik, maka ia akan memberi manfaat yang besar kepada Khalifah, kerana ia akan mengingatkan Khalifah dengan segala kebaikan dan membantu Khalifah untuk melaksanakannya. Aishah *radhiAllahu 'anha* pernah mengatakan bahawa Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wa Sallam* pernah bersabda, “*Jika Allah menghendaki kebaikan terhadap seorang amir (Imam/Khalifah), Allah akan jadikan baginya*

*seorang pembantu (wazir) yang jujur dan benar; jika ia lupa wazir itu akan mengingatkannya, dan jika ia ingat, wazir itu akan membantunya. Jika Allah menghendaki terhadap amir itu selain yang demikian, Allah akan jadikan baginya wazir yang jahat/buruk; jika ia lupa wazir itu tidak akan mengingatkannya, dan jika ia ingat, wazir itu tidak akan membantunya” [HR Ahmad].*

**(3) Mu’awin at-Tanfiz (Wuzara’ at-Tanfiz)** - *Wazir at-Tanfiz* adalah pembantu yang diangkat oleh Khalifah dalam urusan pentadbiran (administrasi). *Wazir tanfiz* merupakan penghubung Khalifah dengan (i) struktur dan instansi negara (ii) dengan rakyat dan (iii) dengan negara luar. Ia bertugas menyampaikan polisi-polisi Khalifah kepada mereka dan menyampaikan informasi dari mereka kepada Khalifah. *Wazir at-tanfiz* diangkat sebagai pembantu Khalifah dalam hal pelaksanaan berbagai-bagai urusan. Tugasnya hanyalah tugas administrasi, bukannya tugas pemerintahan. Jabatannya merupakan lembaga pelaksana yang melaksanakan pelbagai polisi yang dikeluarkan oleh Khalifah kepada instansi-instansi dalam negeri dan juga luar negeri, di samping menyampaikan informasi dari berbagai-bagai instansi tersebut kepada Khalifah.

*Mu’awin at-Tanfiz* ini berhubung secara langsung dengan Khalifah sebagaimana halnya *Mu’awin a-Tafwidh*, dan kedua mereka adalah dalam posisi sebagai orang dekat (*bithanah*) Khalifah. Tugas keduanya bersentuhan secara langsung dengan Khalifah yang mana mengharuskan diri mereka senantiasa rapat dan bertemu empat mata dengan Khalifah. Oleh kerana itu, sebagaimana syarat Khalifah, kedua *Mu’awin* ini mestilah lelaki dan tidak boleh sekali-kali dijabat oleh orang kafir, kerana kedudukannya yang sangat dekat dan rapat dengan Khalifah (*bithanah*). Hal ini berdasarkan firman Allah, “*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi “orang dalam/ yang dipercayai” (bithanah). Mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu...*” [TQM Ali Imran (3):118].

**(4) Wali** - *Wali* adalah orang yang diangkat oleh Khalifah sebagai penguasa/pemerintah untuk suatu wilayah serta menjadi *Amir* (pemimpin) wilayah tersebut. Daulah Khilafah yang diperintah oleh Khalifah dibahagi kepada beberapa bahagian yang disebut wilayah. Setiap wilayah dibahagi kepada beberapa bahagian dan setiap bahagian disebut *Imalah*. Setiap orang yang memimpin wilayah disebut *Wali* (atau *Amir*) dan orang yang memimpin *Imalah* disebut *Amil*. Setiap *Imalah* dibahagi kepada beberapa bahagian pentadbiran yang disebut *Qasabah* dan setiap *Qasabah* dibahagi lagi kepada beberapa bahagian pentadbiran yang lebih kecil dipanggil *Hayyu* (kampung/desa). Orang yang mengurus *Qasabah* atau *Hayyu* disebut *Mudir* dan tugasnya adalah tugas administrasi. Para *Wali* adalah penguasa (*Hukkam*) di wilayahnya kerana bidang kuasanya dalam hal ini adalah bidang kuasa pemerintahan. Jabatan *Wali* memerlukan adanya (akad) pengangkatan dari Khalifah atau orang yang mewakili

Khalifah dalam melaksanakan pengangkatan itu. Dalil adanya jawatan *Wali* atau *Amir* ini adalah berdasarkan tindakan Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wa Sallam* yang mengangkat para *Wali* di pelbagai negeri/wilayah. Baginda telah mengangkat Muaz bin Jabal menjadi *Wali* di wilayah Janad, Ziyad bin Walid di wilayah Hadhramaut dan Abu Musa al-Asy’ari di wilayah Zabid dan Adn. Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wa Sallam* telah memilih para *Wali* dari orang-orang yang memiliki kelayakan (kemampuan dan profesionalisme) untuk memegang urusan pemerintahan di samping memiliki ilmu dan terkenal ketakwaannya. Hal ini (pelantikan *Wali*) diteruskan lagi oleh para *Khulafa’ Rasyidin* di sepanjang pemerintahan mereka yang menambahkuatkan lagi dalil kepada kita bahawa struktur ini adalah wajib.

**(5) Amirul Jihad** - Jabatan Peperangan merupakan salah satu instansi negara. Ketuanya disebut *Amir al-Jihad*. Ini adalah kerana Rasulullah sendiri menamakan komandan pasukan perang sebagai *Amir*. Ibnu Saad telah menuturkan riwayat bahawa Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wa Sallam*, semasa menghantar pasukan perang ke Mu’tah, bersabda, “*Yang menjadi amir atas orang-orang adalah Zaid bin Haritsah, jika ia gugur maka Jaafar bin Abi Thalib, jika ia gugur maka Abdullah bin Rawahah, jika ia gugur maka hendaklah kaum Muslimin memilih seorang lelaki di antara mereka lalu mereka jadikan sebagai amir yang memimpin mereka*”. Imam Bukhari juga telah menuturkan riwayat dari Abdullah bin Umar yang berkata, “*Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa Sallam mengangkat Zaid bin Haritsah menjadi amir pada perang Mu’tah...*”. Jabatan Peperangan (*Da’irah al-Harbiyah*) menangani semua urusan yang berhubung dengan angkatan bersenjata seperti penyediaan pasukan, logistik, persenjataan, peralatan, amunisi dan sebagainya; menangani akademi-akademi ketenteraan, misi-misi ketenteraan, serta pemikiran Islam dan pengetahuan umum apa sahaja yang menjadi kewajiban bagi tentera; serta menangani segala hal yang berhubung dengan peperangan dan persiapannya. Termasuk dalam bidang kuasa *Da’irah al-Harbiyah* ini adalah menghantar mata-mata (*spy/intelligence*) untuk mengintip kaum *kafir harbi*. Dalil-dalil untuk semua ini (jihad dan pasukannya) sudah teramat masyhur dalam nas dan sirah Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wa Sallam*.

**(6) Keamanan Dalam Negeri** - Keamanan dalam negeri dijaga dan ditangani oleh satu Jabatan yang dinamakan Jabatan Keamanan Dalam Negeri. Jabatan ini diketuai oleh seorang *Mudir* (*Mudir al-Amni ad-Dakhili*). Jabatan ini mempunyai cawangan di setiap wilayah dalam Daulah Khilafah dan dinamakan *Idarah al-Amni ad-Dakhili* yang diketuai oleh Ketua Polis Wilayah (*Sahib asy-Syurthah al-Wilayah*). Cawangan ini berada di bawah *Wali* dari segi *tanfiz* (pelaksanaan), tetapi dari sisi administrasi berada di bawah Jabatan Keamanan Dalam Negeri. *Al-Amni ad-Dakhili* merupakan Jabatan yang mengurus/menjaga segala bentuk gangguan keamanan melalui institusi polis dan ini adalah sarana utama untuk menjaga keamanan dalam negara. Institusi polis ini ada dua jenis, pertama,

polis tentera (*military police – MP*) dan kedua, polis yang berada di sisi penguasa. Kedua-dua jenis ini memiliki seragam yang khusus dan ciri-ciri tertentu (yang boleh dikenal) untuk menjaga keamanan. Adapun dalil tentang (kewajiban) adanya pasukan polis ini adalah berdasarkan hadis riwayat Bukhari dari Anas bin Malik, “*Sesungguhnya Qais bin Saad di sisi Nabi Sallallahu ‘alaihi wa Sallam memiliki kedudukan sebagai ketua polis dan ia termasuk di antara para amir.*” Imam Tirmizi juga telah meriwayatkan dengan redaksi, “*Qais bin Saad di sisi Nabi Sallallahu ‘alaihi wa Sallam berkedudukan sebagai ketua polis dan ia termasuk di antara para amir. Al-Ansari berkata: iaitu orang yang menangani urusan-urusan polis.*”

**(7) Luar Negeri** - Jabatan Luar Negeri mengurus seluruh urusan luar negeri berkaitan hubungan Daulah Khilafah dengan negara-negara asing/kufur, apa pun jenis perkara dan bentuk hubungan itu; baik perkara yang berhubung aspek politik seperti perjanjian antarabangsa, kesepakatan damai, gencatan senjata, pelaksanaan pelbagai rundingan, tukar-menukar duta, pengiriman pelbagai utusan dan delegasi; ataupun perkara yang berkaitan dengan aspek ekonomi seperti perdagangan, pertanian, telekomunikasi, pos, pengangkutan, teknologi dan sebagainya. Semua ini akan diuruskan oleh Jabatan Luar Negeri. Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wa Sallam* melakukan berbagai-bagai hubungan luar negeri dengan negara-negara kufur yang lain. Rasulullah pernah mengutus Utsman bin Affan untuk berunding dengan Quraisy sebagaimana baginda juga pernah berunding langsung dengan delegasi Quraisy. Rasulullah juga pernah mengirim sejumlah utusan kepada para raja sebagaimana baginda juga pernah menerima utusan dari para raja/pemerintah. Sebagaimana Rasulullah yang pernah menjalin pelbagai kesepakatan dan perjanjian damai (bersifat sementara), demikian jugalah dengan para Khalifah setelah baginda di mana mereka selalu menjalin hubungan politik dengan negara dan institusi-institusi luar. Para Khalifah melakukan aktiviti-aktiviti tersebut samada secara sendiri atau dengan mengangkat wakil untuk melakukannya. Hal ini semuanya menunjukkan bahawa perlu ada satu Jabatan yang mengurus hal-ehwal luar negeri.

**(8) Perindustrian** - Jabatan Perindustrian adalah Jabatan yang mengurus semua masalah yang berhubungan dengan perindustrian, baik yang berhubung dengan industri berat seperti industri mesin dan peralatan, pembuatan dan perkapalan, pengangkutan, bahan mentah, elektronik dan seumpamanya; industri ringan berupa kilang-kilang yang menjadi milik umum atau kilang-kilang milik individu; mahupun industri ketenteraan. Industri dengan pelbagai jenisnya itu semuanya mesti di bangun dengan berpijak pada politik perang (jihad). Ini adalah kerana (aktiviti) jihadlah yang akan membawa agama Allah ini ke seluruh penjuru alam dan jihad jugalah yang akan menjadikan Islam zahir di atas agama-agama yang lain. Dengan kata lain, dengan jihadlah Islam nanti akan menjadi *super power* dunia dan akan menebarkan

rahmat Allah di muka bumi ini. Oleh sebab jihad memerlukan pasukan tentera, sementara pasukan ini agar mampu berperang mestilah memiliki persenjataan dan agar persenjataan itu boleh mengoptimalkan kekuatan dan seterusnya memberi kemenangan, maka haruslah ada industri persenjataan yang besar, kuat dan berdiri sendiri di dalam negara, sesuai dengan firman Allah,

“*Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka (musuh) segala jenis kekuatan yang dapat kalian sediakan dan dari kuda-kuda yang tertambat, (yang dengan persiapan itu) kalian akan menggerunkan musuh Allah dan musuh kalian dan orang-orang yang selain mereka yang tidak kalian ketahui sedangkan Allah mengetahuinya...*” [TMQ *al-Anfal* (8):60].

**(9) Pengadilan/Perundangan** - Lembaga Pengadilan adalah lembaga yang bertugas menyampaikan keputusan hukum yang bersifat mengikat. Lembaga ini bertugas menyelesaikan (i) perselisihan di antara sesama anggota masyarakat (ii) mencegah hal-hal yang dapat membahayakan hak-hak jemaah (orang ramai) dan (iii) mengatasi perselisihan yang terjadi antara rakyat dan individu di dalam struktur pemerintahan, baik ia seorang penguasa mahupun kakitangan negara Khilafah. Dalil tentang kewajiban adanya lembaga perundangan ini banyak sekali di dalam Al-Quran yang mana Allah memerintahkan agar manusia berhukum dengan hukum Allah dan dirincikan lagi oleh Rasulullah di dalam hadis baginda yang begitu banyak yang menunjukkan bahawa wujudnya lembaga pengadilan ini adalah wajib. Berdasarkan nas yang jelas, dalam Daulah Islam terdapat 3 jenis *Qadhi* (hakim)/mahkamah. **Pertama:** *Qadhi* biasa (atau dikenali juga dengan *Qadhi Khusumat*) yang menguruskan penyelesaian perselisihan di antara anggota masyarakat dalam masalah *mu’amalat* dan *uqubat*. **Kedua:** *Qadhi Muhtasib* (atau *Hisbah*) iaitu *qadhi* yang menguruskan penyelesaian dalam masalah penyimpangan (*mukhalafat*) yang melanggar hak jemaah (orang ramai). **Ketiga:** *Qadhi Mazhalim*, iaitu *qadhi* yang menguruskan penyelesaian persengketaan yang terjadi antara rakyat dan pemerintah atau pegawai-pegawai pemerintah.

**(10) Masalah ad-Daulah (Struktur Administrasi)** - Berdasarkan perbuatan (*af’al*) Rasulullah dalam mentadbir negara, ternyata urusan administrasi diurus dengan penuh sistematik. *Masalih ad-Daulah* merupakan satu struktur pelaksana kepada pemerintahan, maksudnya, ia menjadi badan pelaksana kepada perkara-perkara yang wajib dilaksanakan di dalam sebuah pemerintahan. Urusan pentadbiran merupakan salah satu *uslub* (cara/teknik) dan *wasilah* (sarana) untuk melaksanakan apa jua kewajiban yang terletak di bahu negara. Ia tidak memerlukan dalil secara khusus dan cukup hanya dalil umum yang menunjukkan perintah pokoknya, kecuali jika memang terdapat dalil khusus mengenainya. Contohnya, Allah *Subhanahu wa Ta’ala* memberi perintah “*tunaikanlah zakat*” dan ini adalah dalil yang bersifat umum. Dalam hal ini, tidak terdapat dalil yang menjelaskan tatacara pengumpulannya, dari segi berapa banyakkah pusat yang

perlu dibuka, di manakah pusat pengumpulan zakat perlu dibuka, apakah amil perlu diberi kenderaan, resit, apa-apa peralatan dan sebagainya. Semua ini adalah perbuatan cabang (*furu'*) dari perintah "*tunaikan zakat*". Inilah yang dimaksudkan dengan persoalan administrasi, yang mana ia merupakan pelaksana kepada sebuah kewajipan. Struktur ini wajib ada, namun pelaksanaannya adalah berupa *uslub* (teknik) sahaja dan boleh dikembangkan sesuai dengan keperluan semasa dan keadaan yang ada. Untuk melicinkan pentadbiran negara dalam melaksanakan seluruh kewajipan, maka perlu ada (contohnya) Jabatan Pendidikan, Kesihatan, Pertanian, Minyak Dan Gas, Komunikasi, Pengangkutan, Perhutanan, Elektrik Dan Tenaga, Pertanahan, Pengairan dan sebagainya. Terpulanglah kepada ijihad dan polisi Khalifah mengenai apa dan berapa banyak *Masalih ad-Daulah* yang perlu ditubuhkan asalkan ia dapat menunaikan segala kewajipan negara dan memenuhi kepentingan (*maslahat*) masyarakat.

**(11) Baitul Mal** - Baitul Mal adalah sebuah autoriti yang bertanggungjawab terhadap setiap pendapatan dan perbelanjaan negara yang menjadi hak kaum Muslimin. Oleh itu, setiap harta sama ada tanah, bangunan, bahan galian, wang atau barangan apa pun yang mana kaum Muslimin berhak ke atasnya mengikut hukum syara', maka ia menjadi tanggungjawab Baitul Mal untuk menguruskannya. Baitul Mal berada di bawah pengawalan Khalifah secara langsung atau di bawah kawalan orang yang dilantik untuk mengurusinya. Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wa Sallam* kadang-kadang menyimpan, memungut dan membahagikan harta kaum Muslimin secara sendiri dan kadang-kadang baginda mengangkat orang lain untuk menangani urusan tersebut. Begitu juga dengan Khulafa' Rasyidin sesudah baginda yang kadang-kadang menguruskannya Baitul Mala secara langsung dan ada masa para Khalifah melantik wakil untuk menguruskannya. Dalil tentang kewujudan dan peranan Baitul Mal ini sudah cukup masyhur di dalam hadis dan juga Ijmak Sahabat.

Adapun dari segi pembahagian struktur Baitul Mal mengikut pendapatan dan perbelanjaan negara (berdasarkan hukum syara'), maka Baitul Mal dibahagikan kepada dua bahagian. **Pertama:** Bahagian Kemasukan/Pendapatan yang mempunyai 3 *Diwan*/seksyen yang terdiri dari (i) *Diwan Fai'* dan *Kharaj* (meliputi *ghanimah*, *kharaj*, *jizyah*, tanah-tanah, *fai'* dan juga *dharibah*), (ii) *Diwan* Pemilikan Umum (meliputi kemasukan/pendapatan dari petroleum, gas, elektrik, galian mineral, laut, sungai, hutan, padang gembalaan, *hima* dan sebagainya), (iii) *Diwan* Zakat (meliputi zakat wang – emas dan perak, perdagangan, pertanian, ternakan dan lain-lain). **Kedua:** Bahagian Perbelanjaan yang terdiri dari 8 *Diwan* iaitu (i) *Diwan Dar al-Khilafah* (ii) *Diwan* Kemaslahatan Negara (iii) *Diwan* Subsidi (iv) *Diwan* Jihad (v) *Diwan* Pengelolaan Zakat (vi) *Diwan* Pengelolaan Pemilikan Umum (vii) *Diwan*

Keperluan Darurat dan (viii) *Diwan* Anggaran, Pengawalan dan Pengawasan Umum.

**(12) Lembaga Penerangan** - Penerangan merupakan aktiviti penting bagi dakwah dan negara. Lembaga Penerangan bukan termasuk Jabatan yang melayan kepentingan masyarakat (sebagaimana *Masalih ad-Daulah*), akan tetapi kedudukannya berhubung langsung dengan Khalifah sebagai instansi yang mandiri. Adanya strategi informasi yang spesifik untuk memaparkan Islam dengan pemaparan yang kuat dan membekas akan mampu menggerakkan akal manusia agar mengarahkan pandangannya kepada Islam. Kewujudan Lembaga Penerangan ini juga akan memudahkan usaha menggabungkan negeri-negeri kaum Muslimin ke dalam Daulah Khilafah. Kepentingan Lembaga Penerangan ini juga tampak jelas dalam perkara-perkara yang berhubung dengan perang seperti perisytiharan jihad, pergerakan pasukan, kemenangan dan kekalahan dalam perang dan sebagainya yang wajib dimaklumi secara langsung kepada Khalifah di mana Khalifah akan menentukan pula informasi manakah yang patut disiarkan, diumumkan ataupun ditutup untuk kemaslahatan kaum Muslimin.

**(13) Majlis Umat (Majlis Syura)** – Majlis Umat adalah majlis yang dianggotai oleh para individu yang mewakili kaum Muslimin dalam memberikan pendapat sebagai tempat merujuk bagi Khalifah untuk meminta nasihat/input mereka dalam pelbagai urusan. Majlis ini juga mewakili umat dalam melakukan muhasabah terhadap Khalifah dan semua pegawai negara. Keberadaan Majlis Umat ini diambil dari aktiviti Rasulullah yang sering meminta pendapat/bermusyawarah dengan beberapa orang kaum Muhajirin dan Ansar yang mewakili kaum masing-masing. Hal ini juga diambil dari perbuatan (*af'al*) khusus Rasulullah terhadap beberapa orang tertentu di kalangan sahabat untuk meminta input/masukan dari mereka. Realiti Majlis Umat ini juga diambil dari perbuatan para Khulafa' Rasyidin yang sering bermusyawarah dan mengambil pendapat orang-orang tertentu di kalangan mereka yang dipanggil *ahlu halli wal aqdi*. Orang non-Muslim yang menjadi warganegara Khilafah juga boleh menjadi anggota Majlis Umat tetapi hanya terbatas kepada menyampaikan pengaduan tentang kezaliman pemerintah (dan pegawai negara) terhadap mereka atau pengaduan tentang hak-hak mereka yang diabaikan oleh Negara. Majlis ini diberi nama Majlis Umat kerana ia merupakan wakil umat dalam melakukan muhasabah terhadap pemerintah dan juga mengadakan musyawarah antara mereka.

[Segala paparan di atas adalah ringkasan dari kitab *Ajhzah Daulah al-Khilafah Fi al-Hukum wa al-Idarah*, keluaran Hizbut Tahrir dan juga kitab *Nizam al-Hukum Fi al-Islam* karangan Syeikh Taqiuddin an-Nabhani yang merupakan pendiri Hizbut Tahrir].

wallahua'lam